

01/02/1999

Pemuda Umno siasat dakwaan mengenai YGBK

KLUANG, Ahad - Pemuda Umno sedang menyiasat secara terperinci dakwaan mengenai Yayasan Gerak Bakti Kebangsaan (YGBK) yang ditubuhkan pergerakan itu bagi membasmi kemiskinan dikatakan tidak menggunakan asetnya untuk tujuan itu.

Pemangku Ketuanya, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, berkata siasatan dijalankan Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Pemuda Umno bagi mengenal pasti senarai aset YGBK serta kewibawaan pemegang amanahnya.

"Saya tidak mahu ungkit apa yang berlaku sebelum ini, tetapi ada tuduhan YGBK tidak digunakan untuk tujuan asal. Bukan niat kita untuk menuding jari kepada sesiapa, tetapi hanya mahu mengenal pasti apa yang ada dalam yayasan."

"Siasatan lebih lanjut dan terperinci sedang dijalankan Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Pemuda. Juruaudit juga sudah dipanggil dan mengenal pasti aset pelaburan dibuat YGBK," katanya selepas menghadiri majlis perjumpaan Aidilfitri Umno Bahagian Tenggara di Felda Ulu Belitong, dekat sini, semalam.

YGBK ditubuhkan Pemuda Umno pada 1983 dan dilaporkan antara lain turut terbabit dalam projek penswastan pembangunan semula Kampung Haji Abdullah Hukum di Kuala Lumpur.

Hishamuddin yang juga Ketua Umno Bahagian Tenggara, berkata aset dikenal pasti itu akan digunakan untuk mencapai matlamat awal yayasan, iaitu membasmi kemiskinan.

"Kita sudah berjumpa dan mendapat maklumat daripada RHB (Rashid Hussain Bhd), iaitu institusi yang melabur aset yayasan sebelum ini. Jika sesuai, aset ini boleh digunakan untuk membantu program basmi kemiskinan," katanya.

Beliau berkata, pergerakan itu juga akan memastikan mereka yang berada dalam senarai pemegang amanah yayasan, adalah yang benar-benar berwibawa dan mampu memikul tanggungjawab.

"Ini kerana, ia adalah satu amanah dan dalam hal ini, kita tidak boleh berkompromi. Mereka yang menjadi pemegang amanah perlu berwibawa," katanya.

Dalam perkembangan lain, Hishamuddin berkata, beliau dan beberapa exco Pemuda akan ke Langkawi, Selasa ini untuk memberikan sokongan moral kepada pelaut, Azhar Mohamad, 40, yang akan memulakan pelayaran mengelilingi dunia.

Pelayaran itu akan dimulakan kira-kira jam 3.30 petang selepas majlis pelancarannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Awana Porto Malai Resort Tanjung Malai.

(END)